

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : **BUKAN LISAN**

DARIPADA : **TUAN STEVEN CHOONG SHIAU YOON**
[TEBRAU]

SOALAN NO. 142

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan statistik alat sistem kebakaran yang tidak berfungsi atau tidak mencukupi tekanan air (“water pressure”) mengikut negeri dan kawasan.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, bagi alat pencegahan kebakaran di premis seperti pili bomba, kadar tekanan air dan kapasiti air yang dibekalkan adalah di bawah tanggungjawab syarikat pembekal air di negeri-negeri. Pada waktu biasa, tekanan air di “*mainpipe*” yang dibekalkan oleh syarikat air di negeri-negeri adalah melebihi had yang ditetapkan iaitu 1.5 bar atau 1,000 liter per minut. Walau bagaimanapun, tekanan air ini akan berkurangan ketika waktu kemuncak (*peak hour*) kerana penggunaan air domestik yang meningkat.

2. Untuk rekod, jumlah pili-pili bomba di seluruh negara adalah sebanyak 395,908 unit di mana 12.6% (50,112) daripadanya mengalami kerosakan. Berikut adalah statistik pili bomba mengikut negeri:

Statistik Pili Bomba Mengikut Negeri

| Bil. | Negeri | Pili Bomba Keseluruhan | Pili Bomba Rosak |
|---------------|-----------------|-------------------------------|-------------------------|
| 1. | Perlis | 3,412 | 562 |
| 2. | Kedah | 25,766 | 1,397 |
| 3. | Pulau Pinang | 21,236 | 5,814 |
| 4. | Perak | 44,128 | 5,911 |
| 5. | Selangor | 69,554 | 10,758 |
| 6. | Kuala Lumpur | 18,587 | 1,772 |
| 7. | Putrajaya | 1,695 | 8 |
| 8. | Negeri Sembilan | 23,040 | 1,883 |
| 9. | Melaka | 16,818 | 653 |
| 10. | Johor | 55,906 | 4,023 |
| 11. | Pahang | 27,246 | 2,440 |
| 12. | Terengganu | 19,011 | 1,008 |
| 13. | Kelantan | 12,474 | 1,676 |
| 14. | Sarawak | 34,308 | 11,518 |
| 15. | Sabah | 20,375 | 581 |
| 16. | Labuan | 2,352 | 20 |
| JUMLAH | | 395,908 | 50,112 |

3. Pili-pili bomba yang mengalami kerosakan akan dibaiki berdasarkan kepada bajet RM3.5 juta yang telah diagihkan ke negeri-negeri mengikut ratio jumlah kerosakan.

Sekian, terima kasih.